

D822

B B495 AAB
MAHATHIR - KERETA
EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 10.30 MALAM INI

KUALA LUMPUR, 12 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENCADANGKAN SUPAYA PENGEDAR KERETA TEMPATAN YANG TERJEJAS OLEH PROJEK KERETA MALAYSIA MENGELUARKAN KOMPONAN KERETA ITU.

MASANYA TELAH TIBA BAGI PARA PENGEDAR KERETA ITU MEMPELBAGAIKAN KEGIATAN PERNIAGAAN DENGAN MENEROKAI BIDANG BARU, KATA PERDANA MENTERI SEMASA BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM ANJURA PERSATUAN PENIAGA KENDERAAN MALAYSIA DI SINI MALAM INI.

KERAJAAN TELAH PUN MENGENALPASTI KOMPONAN PROTON SAGA BAGI PENGELUARAN TEMPATAN DI BAWAH RANCANGAN KANDUNGAN TEMPATAN YANG MENJADI MATLAMAT UTAMA PROJEK KERETA MALAYSIA, KATANYA.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENASIHATI MEREKA JANGAN TERLALU GOPOH DALAM USAHA BARU ITU KERANA APA YANG DIUTAMAKAN BUKAN SAHAJA MUTU PENGELUARKAN, TETAPI JUGA KOS BAGI MENJAMIN HARGANYA TIDAK TERLALU TINGGI.

PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN BAHAWA PEMBABITAN KERAJAAN DALAM PROJEK KERETA ITU TIDAK BERNIAT MENGHANCURKAN PENIAGA KERETA SEKARANG. -- LAGI.

2211MST 12 07 85

D825

B B496 AAB
MAHATHIR - KERETA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BELIAU MEMBERI JAMINAN KEPADA PERSATUAN ITU BAHAWA PEMBABITAN KERAJAAN DALAM PEMBUATAN KERETA TIDAK BERNIAT MENGHANCURKAN PARA PENIAGA KERETA YANG SEDIA ADA.

KATANYA, KEGIATAN MEREKA TIDAK AKAN TERJEJAS KERANA EDARAN OTOMOBIL NASIONAL SDN BHD (EON) IAITU PENGEDAR PROTON SAGA AKAN MEMBERI PELUANG KEPADA MEREKA MENJUAL KERETA ITU.

OLEH ITU MEREKA BOLEH TERUS MENGEDAR KERETA-KERETA YANG TIDAK BERSAING DENGAN PROTON SAGA DI MANA PASARANNYA ADALAH KIRA-KIRA 30 PERATUS DARIPADA JUMLAH KESELURUHAN PASARAN KERETA PENUMPANG DI NEGARA INI PADA MASA INI.

MENGENAI KESAN PROJEK KERETA NASIONAL KEPADA SEKTOR-SEKTOR LAIN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN, DALAM MENGGUBAL DASAR KERETA NASIONAL MEMIKIRKAN KEPENTINGAN EKONOMI DAN PROSES PERINDUSTRIAN KESELURUHANNYA.

KATANYA, PROJEK KERETA NASIONAL AKAN MEMBAWA BERBAGAI-BAGAI FAEDAH SAMPINGAN SERTA RANTAIAN EKONOMI NEGARA YANG JAUH LEBIH MENGUNTUNGAN DARIPADA SEMATA-MATA MEMBELI KERETA ASING ATAU MEMASANGKANNYA.-- LAGI.

2216MST 12 07 85

D826

B B497 AAB

MAHATHIR - KERETA 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

ANTARA FAEDAH SAMPINGAN ITU IALAH MEMBERI PELUANG KEPADA PARA PENGELUAR KOMPONAN KERETA TEMPATAN MENINGKATKAN PENGELUARAN SERTA PEMINDAHAN TEKNOLOGI DAN KEDUA-DUA INI MEMBERI FAEDAH KEPADA INDUSTRI-INDUSTRI LAIN.

MENGENAI GARIS KEUNTUNGAN YANG DINIKMATI OLEH PARA PENJUAL PROTON SAGA, BELIAU MENJELASKAN BAHAWA DALAM MENETAPKAN HARGA PROTON SAGA, KERAJAAN MENGAMALKAN SISTEM PENGAWALAN HARGA SEPerti UNTUK KERETA-KERETA YANG DIPASANG DI NEGARA INI.

KATANYA, PARA PENGEDAR PROTON SAGA AKAN MENIKMATI MARGIN YANG SERUPA IAITU BERGANTUNG KEPADA KECEKAPAN MEREKA SERTA BILANGAN JUALAN.

PERDANA MENTERI BERHARAP PARA PENGEDAR KERETA MENERIMA PROTON SAGA DENGAN SIKAP POSITIF DAN BERUSAHA MEMASARKANNYA DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH SEPerti YANG MEREKA LAKUKAN BAGI KERETA-KERETA LAIN.

BELIAU BERHARAP MEREKA JUGA AKAN MEMBERI PANDANGAN-PANDANGAN MEMBINA DARI SEGI STRATEGI JUALAN, PENERIMAAN PASARAN KE ATAS PROTON SAGA, RUPA BENTUK PADA MASA AKAN DATANG SERTA KESESUAIAN DARIPADA SEGI HARGA KERETA ITU. -- BERNAMA.

2218MST 12 07 85